

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	..	HARIAN METRO	
TARIKH	..	5/10/2019	MUKA SURAT : 36
JABATAN	..	SPAN	
KLASIFIKASI	..	PERHATIAN	

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

“Bau air yang busuk itu sangat kuat terutama ketika mandi dan masih berbau sampai hari ini,” kata suri rumah, Nur Azreen Amir, 38.

Dia yang juga penduduk di Presint 11 mendakwa tidak selesa dengan bau air paip yang tidak menyenangkan dipercayai berpunca dari Loji Rawatan Air Sungai Semenyih yang tercemar akibat berlaku pencemaran di sumber air mentah sungai terbabit, Sabtu lalu.

Katanya, penduduk di kawasan itu mengalami masalah itu sejak Isnin lalu sehingga menyebabkan mereka berasa sangat tidak selesa.

Menurutnya, bau busuk air itu dikesan ketika memasak air untuk sarapan sehingga membimbangkan mereka sekeluarga untuk menggunakan sumber air yang dibekalkan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

“Masalah ini menyebabkan penduduk terpaksa mengeluarkan kos tinggi kerana terpaksa membeli air mineral bagi kegunaan memasak makanan dan minuman.

“Penduduk juga risau untuk membeli makanan yang dijual di gerai kerana sumber airnya juga adalah sama dan dikhuatiri akan berdepan masalah kesihatan,” katanya ketika ditemui, semalam.

Air Selangor dalam kenyataannya semalam memberi jaminan air yang dibekalkan adalah selamat untuk digunakan dan mematuhi piawanan kualiti air yang ditetapkan.



‘MASIH BERBAU...’

Penduduk dakwa tidak selesa dengan bau air paip dipercayai berpunca dari Loji Rawatan Air Sungai Semenyih tercemar

Bukan salah Indah Water

Sisa terlarang masuk sungai



LAPORAN Harian Metro, 30 September lalu

PEMANDANGAN Sungai Semenyih yang tercemar sebelum ini.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, pihaknya sudah menialankan siasatan ke atas 842 kes daripada keseluruhan aduan 952 kes yang diterima dan berdasarkan ujian pensampelan di tapak, air yang dibekalkan adalah selamat digunakan dan mematuhi piawanan kualiti air Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sementara itu, Mohd Khairi Kamaruddin, 40, memberitahu sudah membuat aduan sebanyak dua kali kepada pihak syarikat utiliti itu berikutan masalah yang dihadapi penduduk.

Katanya, syarikat itu kemudian ada membuat cucian paip di kawasan terbabit bagaimanapun tiada perbezaan dan penduduk masih menghadapi masalah sama.

Dia yang juga penguasa katering berkata, akibat masalah itu pendapatannya turut terjejas kerana terpaksa menolak banyak tempahan pelanggan.

“Sebagai penguasa katering saya memerlukan air yang banyak bagi menyediakan makanan dan sekiranya menggunakan air berbau itu, akan menjejaskan kualiti makanan termasuk behadapan kerugian akibat tidak menerima bayaran dari pelanggan,” katanya.